

Bab 6

CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

6.1 Cabaran Dalam Malaysia

(Buku Teks m.s. 116 – 118)

- 1 Negara kita terpaksa berhadapan dengan cabaran dalaman selepas pembentukan Malaysia.

Mengapakah berlaku cabaran dalaman tersebut?

- A Kelemahan pentadbiran antara negeri
- B Kekurangan pemimpin yang berwibawa
- C Kepelbagaian kaum dan etnik masyarakat
- D Ketidakadilan sistem perundangan negara

(Buku Teks m.s. 116)

- 2 Apakah cabaran dalaman negara selepas pembentukan Malaysia?

- I Melaksanakan dasar luar Malaysia
 - II Memartabatkan kedudukan bahasa Melayu
 - III Mewujudkan keseimbangan pembangunan
 - IV Menghadapi ancaman daripada komunis
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 116)

- 3 Malaysia menghadapi cabaran dalam persaingan politik.

Apakah kesan sekiranya kerajaan gagal mengatasinya?

- A Menggugat perpaduan kaum
- B Menjejaskan pendapatan rakyat
- C Meningkatkan kadar kemiskinan
- D Menjejaskan pertumbuhan sosial

(Buku Teks m.s. 116)

- 4 Apakah sumbangan Sarawak dan Sabah terhadap ekonomi negara?

- A Meningkatkan jumlah eksport negara
- B Menggalakkan kemasukan modal asing
- C Merapatkan jurang ekonomi antara kaum
- D Mengurangkan beban kewangan kerajaan

(Buku Teks m.s. 116)

- 5 Senarai berikut merupakan hasil bumi Sarawak dan Sabah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Sagu • Lada hitam • Kayu balak • Petroleum |
|---|

Apakah kepentingan hasil tersebut terhadap negara?

- A Meningkatkan ekonomi negara
- B Memajukan sistem perhubungan
- C Meningkatkan peluang pekerjaan
- D Menyelesaikan jurang pendapatan

(Buku Teks m.s. 116)

- 6 Buku berikut adalah karya Tun Abdul Razak.

Strategy for Action

Apakah seruan karya tersebut terhadap rakyat Malaysia?

- A Bertoleransi antara masyarakat
- B Bersatu mempertahankan negara
- C Bekerjasama dalam pemerintahan
- D Berdedikasi membangunkan negara

(Buku Teks m.s. 116)

- 7 Mengapakah kerajaan mengalami masalah untuk membangunkan hasil bumi di Sarawak dan Sabah?

- A Kekurangan tanah subur untuk pertanian
- B Masyarakat tinggal di kawasan pedalaman
- C Penduduk mengamalkan pertanian sara diri
- D Bentuk muka bumi yang bergunung-ganang

(Buku Teks m.s. 117)

- 8 Bagaimanakah kerajaan mempelbagaikan kegiatan ekonomi Sarawak dan Sabah?

- I Menyusun bidang pekerjaan
- II Memajukan sistem pendidikan
- III Memansuhkan pertanian tradisional
- IV Memperkenalkan ekonomi komersial

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 117)

9 Kerajaan telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk Sarawak dalam bidang ekonomi selepas pembentukan Malaysia.

Apakah peluang pekerjaan tersebut?

- A Emas C Bijih besi
B Bauksit D Petroleum

(Buku Teks m.s. 117)

10 Apakah cabaran kerajaan untuk memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan Sarawak dan Sabah?

- A Ancaman haiwan liar
B Teknologi yang rendah
C Saiz negeri yang besar
D Terdapat banyak sungai

(Buku Teks m.s. 117)

11 Apakah sistem perhubungan dan pengangkutan utama bagi Sarawak dan Sabah sebelum mencapai kemerdekaan?

- A Pengangkutan sungai
B Pengangkutan jalan raya
C Pengangkutan jalan kereta api
D Pengangkutan udara

(Buku Teks m.s. 117)

12 Apakah tindakan kerajaan menyeimbangkan pembangunan di Sarawak dan Sabah sejak pembentukan Malaysia?

- A Menubuhkan Rancangan Malaysia Pertama
B Menggalakkan kemasukan pelabur asing
C Membentuk Jabatan Perancang Bandar
D Memajukan sektor perindustrian berat

(Buku Teks m.s. 117)

13 Bagaimanakah kerajaan memajukan bidang pendidikan di Sarawak dan Sabah selepas tahun 1963?

- I Membina sekolah
II Melibatkan sektor swasta
III Menyediakan kemudahan asas
IV Melatih tenaga guru

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 117)

14 Sarawak telah mengalami krisis perlembagaan pada bulan Jun 1966.

Apakah tindakan kerajaan mengatasi krisis tersebut?

- A Meminda perlembagaan
B Memberi khidmat nasihat

C Mengadakan pilihan raya

D Mengisytiharkan darurat

(Buku Teks m.s. 118)

15 Maklumat berikut merujuk kepada cabaran politik di Sarawak.

Tarikh	Peristiwa
Jun 1966	21 orang ahli Council Negri tidak berpuas hati dengan kepimpinan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak.

Mengapakah berlaku peristiwa tersebut?

- A Perebutan kuasa
B Ancaman komunis
C Ekonomi terbantut
D Krisis perlembagaan

(Buku Teks m.s. 118)

16 Tokoh berikut telah dipecat sebagai Ketua Menteri Sarawak oleh Gabenor pada bulan Jun 1966.



Stephen Kalong Ningkan

Bagaimanakah beliau mencabar tindakan tersebut?

- A Melantik Ketua Menteri baharu
B Membuat aduan terhadap PBB
C Membuat bantahan di mahkamah
D Meletak jawatan dalam parti politik

(Buku Teks m.s. 118)

17 Stephen Kalong Ningkan kembali menjadi Ketua Menteri Sarawak pada bulan September 1966.

Bagaimanakah reaksi ahli Council Negri terhadap tindakan beliau?


- A Memberi sokongan yang baik
B Mengadakan demonstrasi damai
C Melaksanakan undi tidak percaya
D Mengugut untuk meletak jawatan

(Buku Teks m.s. 118)

- 18 Krisis politik yang berlaku pada tahun 1966 telah menyebabkan ketidakstabilan di Sarawak. Apakah kesan ketidakstabilan politik tersebut?
- Mengancam keselamatan
 - Menggugat keamanan
 - Perpecahan antara kaum
 - Pertahanan menjadi lemah
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 118)

- 19 Rajah berikut merujuk kepada perubahan Ketua Menteri Sarawak selepas krisis politik pada tahun 1966.



Siapakah X?

- Tawi Sli
- Ong Kee Hui
- Abdul Taib Mahmud
- Ahmad Zaidi Adruce

(Buku Teks m.s. 118)

- 20 Senarai berikut berkaitan dengan usaha kerajaan selepas pembentukan Malaysia.

- Membentuk integrasi nasional
- Memupuk semangat satu negara

Mengapakah usaha tersebut sukar dilaksanakan?

- Masalah jarak
- Perbezaan bahasa
- Jurang pendapatan
- Kepelbagaian bahasa

(Buku Teks m.s. 118)

- 21 Penduduk negara kita terdiri daripada pelbagai kaum. Apakah isu yang perlu dipupuk melalui kepelbagaian kaum tersebut?
- Semangat patriotisme
 - Perpaduan kaum
 - Peluang pekerjaan
 - Keberkesanan pentadbiran

(Buku Teks m.s. 118)

- 22 Mengapakah semua rakyat Malaysia perlu memperkukuhkan perpaduan dan semangat integrasi nasional?
- Membaiki pentadbiran negara
 - Mengukuhkan institusi beraja
 - Menjamin keamanan negara
 - Melahirkan masyarakat berilmu

(Buku Teks m.s. 118)

6.2 Pemisahan Singapura

(Buku Teks m.s. 119 – 120)

- 23 Mengapakah berlaku pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965?
- Tuntutan persamaan hak
 - Ancaman komunis meningkat
 - Pembahagian kuasa di Parlimen
 - Konflik antara PAP dengan Perikatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 119)

- 24 Mengapakah Lee Kuan Yew tidak puas hati dengan struktur pentadbiran Malaysia?
- Pengendalian cukai yang tidak adil
 - Peranan kerajaan Singapura terhad
 - Pemberian autonomi kepada Sabah
 - Peruntukan jumlah kerusi yang rendah

(Buku Teks m.s. 119)

- 25 Kempen berikut digunakan oleh Lee Kuan Yew.

Malaysian Malaysia

Apakah tuntutan Lee Kuan Yew dalam kempen tersebut?

- Pembatalan institusi beraja
- Pengenalan sistem republik
- Persamaan hak antara kaum
- Perubahan bentuk pentadbiran

(Buku Teks m.s. 119)

- 26 Apakah kesan kempen Malaysian Malaysia terhadap Malaysia?
- Memantapkan kerjasama politik
 - Mewujudkan keharmonian kaum
 - Memajukan bidang perindustrian
 - Menimbulkan keresahan penduduk

(Buku Teks m.s. 119)

- 27 Apakah faktor ekonomi sebagai pemisahan Singapura daripada Malaysia?
- Penambahan kadar cukai
 - Pengecualian kadar faedah
 - Pembinaan pelabuhan bebas
 - Pembukaan pasaran bersama
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 119)

28 Apakah maksud konsep berikut?

Beberapa negara menghapuskan cukai antara mereka dan mengenakan cukai import yang sama terhadap negara lain.

- A Sekatan ekonomi C Pasaran bersama
B Pelabuhan bebas D Ekonomi dagangan

(Buku Teks m.s. 119)

29 Mengapakah Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman RM150 juta daripada Singapura?

- A Menghadapi ancaman komunis
B Menyelesai masalah rusuhan kaum
C Pembangunan Sarawak dan Sabah
D Pembinaan Koridor Raya Multimedia

(Buku Teks m.s. 119)

30 Rusuhan kaum telah berlaku di Singapura pada tahun 21 Julai 1964.

Mengapakah berlaku rusuhan kaum tersebut?

- A Tuntutan terhadap persamaan hak
B Krisis perebutan kuasa pentadbiran
C Perbuatan provokatif dalam berkempen
D Ketidakseimbangan dalam sosioekonomi

(Buku Teks m.s. 119)

31 Jadual berikut berkaitan dengan proses rundingan pemisahan Singapura daripada Malaysia.

Tarikh	Tokoh
29 Jun 1965	• Lee Kuan Yew • X

Siapakah tokoh X?

- A David Marshall
B Tun Abdul Razak
C V. T. Sambanthan
D Tunku Abdul Rahman

(Buku Teks m.s. 120)

32 Mesyuarat berikut telah diadakan atas arahan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

Tarikh	1 Julai 1965
Mesyuarat	Mesyuarat antara Tun Abdul Razak Hussein bersama beberapa Menteri seperti Dr. Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin, dan V.T. Sambathan.

Apakah perkara yang dibincangkan di dalam mesyuarat tersebut?

- A Pemisahan Singapura
B Pembentukan Malaysia
C Perebutan Pulau Ligatan
D Pencerobohan penganas

(Buku Teks m.s. 124)

33 Rancangan pemisahan Singapura daripada Malaysia telah mendapat persetujuan dalam sebuah mesyuarat.

Apakah mesyuarat tersebut?

- A Mesyuarat Menteri Luar ASEAN
B Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia
C Mesyuarat Majlis Keselamatan PBB
D Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

(Buku Teks m.s. 124)

34 Siapakah pemimpin negara yang terlibat dalam peristiwa berikut?

Tahun	Peristiwa
7 Ogos 1965	Menandatangani persetujuan untuk Singapura keluar daripada Malaysia.

- I Lee Kuan Yew
II David Marshall
III V. T. Sambanthan
IV Tunku Abdul Rahman

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 120)

35 Apakah kuasa yang meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura?

- A Ratu England
B Parlimen Malaysia
C Yang di-Pertuan Agong
D Dewan Undangan Negeri

(Buku Teks m.s. 120)

36 Pemisahan Singapura daripada Malaysia telah berlaku pada tahun 1965.

Apakah pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua negara tersebut?

- A Desakan
B Rundingan
C Manipulasi
D Peperangan

(Buku Teks m.s. 121)

- 37 Mengapakah Malaysia bersetuju terhadap pemisahan Singapura?
- Kemajuan ekonomi
 - Kepentingan negara
 - Kemakmuran rakyat
 - Kekuatan pertahanan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 120)

6.3 Menangani Ancaman Komunis

(Buku Teks m.s. 121 – 125)

- 38 Apakah kegiatan komunis yang telah mengancam keselamatan negara sejak sebelum merdeka?
- Memeterai pelbagai perjanjian
 - Menamatkan hubungan diplomatik
 - Menyerap masuk ideologi komunis
 - Mensabotaj kemudahan awam
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 121)

- 39 Bagaimanakah gerakan komunis bermula di Sarawak?
- Perebutan kuasa
 - Pendudukan Jepun
 - Penguasaan SBUB
 - Pemerintahan kejam

(Buku Teks m.s. 121)

- 40 Bahagian manakah yang menjadi sasaran utama komunis di Sarawak?
- Bahagian Pertama
 - Bahagian Kedua
 - Bahagian pentadbiran
 - Bahagian Ketiga
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 121)

- 41 Apakah bentuk ancaman komunis di Sarawak?
- Perang gerila
 - Pencerobohan udara
 - Serangan bersenjata
 - Gerakan sulit

(Buku Teks m.s. 121)

- 42 Apakah gerakan politik yang dilakukan komunis terhadap kerajaan?
- Menyerang proses pilihan raya
 - Memulau idea Malayan Union
 - Menentang gagasan Malaysia
 - Menyokong pemisahan Singapura

(Buku Teks m.s. 121)

- 43 Anggota komunis yang melarikan diri ke Kalimantan telah menubuhkan sebuah parti politik.

Apakah parti politik tersebut?

- Bintang Tiga
- Parti Komunis Malaya
- Parti Komunis Indonesia
- Parti Komunis Kalimantan Utara

(Buku Teks m.s. 121)

- 44 Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan politik oleh komunis di Sarawak.

- Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS)
- Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU)

Apakah matlamat penubuhan pasukan tersebut?

- Membentuk republik komunis
- Menyokong gagasan Malaysia
- Menentang pendudukan British
- Menubuhkan Kalimantan Raya

(Buku Teks m.s. 121)

- 45 Jadual berikut menunjukkan serangan terawal komunis di Sarawak.


Tahun	Peristiwa
5 Ogos 1952	Serangan komunis terhadap orang awam.

Apakah lokasi serangan tersebut?

- Bukit Lambir, Miri
- Sambas, Santubong
- Batu Kitang, Kuching
- Bawang Assan, Kuching

(Buku Teks m.s. 121)

- 46 Rajah berikut merujuk kepada kaedah kerajaan kita menangani ancaman komunis.



Apakah X?

- A Secara manipulasi
- B Kerjasama serantau
- C Operasi ketenteraan
- D Sekatan hak asasi

(Buku Teks m.s. 121)

- 47 Kerajaan telah melaksanakan gerakan Perang Saraf untuk mengatasi ancaman komunis di Sarawak.

Bagaimanakah gerakan tersebut dijalankan?

- I Membina pusat perdagangan
- II Mendaftarkan kad pengenalan
- III Mengadakan perhimpunan awam
- IV Menyediakan kemudahan perhubungan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 121)

- 48 Kerajaan telah menyebarkan risalah bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak.

Mengapakah kerajaan bertindak sedemikian?

- A Menangkap pemimpin gerakan yang radikal
- B Mengharamkan PKM dan parti berhaluan kiri
- C Menanamkan perasaan benci terhadap komunis
- D Memudahkan penyusupan dalam organisasi PKM

(Buku Teks m.s. 121)

- 49 Bagaimanakah kerajaan mengatasi ancaman komunis melalui perang saraf di Sarawak?

- A Memberi tawaran pengampunan
- B Mengadakan perintah berkurung
- C Menubuhkan pasukan polis hutan
- D Membawa masuk askar Komanwel

(Buku Teks m.s. 121)

- 50 Apakah gelaran bagi kawasan yang bebas daripada ancaman komunis?

- A Kawasan putih
- B Kawasan hitam
- C Kawasan daulat
- D Kawasan bersih

(Buku Teks m.s. 121)

- 51 Mengapakah kerajaan melaksanakan operasi ketenteraan di Sarawak pada tahun 1965?

- A Mengalahkan tentera Jepun
- B Membanteras masalah lanun
- C Melemahkan gerakan komunis
- D Menghadapi ancaman pengganas

(Buku Teks m.s. 122)

- 52 Peta berikut menunjukkan operasi ketenteraan di Sarawak.



Apakah operasi ketenteraan yang dijalankan di Bahagian Kedua?

- A Operasi Harapan
- B Operasi Hammer
- C Operasi Sri Aman
- D Operasi RASCOM

(Buku Teks m.s. 122)

- 53 Pilih pasangan yang tepat berkaitan dengan operasi ketenteraan untuk membanteras ancaman komunis di Sarawak.

	Operasi Ketenteraan	Bahagian
A	Operasi Hammer	Bahagian Pertama
B	Operasi RASCOM	Bahagian Kedua
C	Operasi Sri Aman	Bahagian Ketiga
D	Operasi Semut	Bahagian Keempat

(Buku Teks m.s. 122)

54 Apakah persamaan antara kedua-dua kaedah berikut?

- Rancangan Briggs (1950)
- Operasi Hammer (1965)

- A Mengadakan lawatan
- B Memenangi hati rakyat
- C Memberi pengampunan
- D Menyerang secara gerila

(Buku Teks m.s. 122)

55 Apakah tindakan komunis sehingga kerajaan melaksanakan Operasi Hammer di Sarawak?

- A Menyerang balai polis
- B Membunuh orang awam
- C Merosakkan infrastruktur
- D Memusnahkan ladang getah

(Buku Teks m.s. 122)

56 Maklumat berikut berkaitan dengan operasi ketenteraan menentang ancaman komunis di Sarawak.

- Mendirikan petempatan baharu
- Melaksanakan perintah berkurung
- Mengawal petempatan baharu

Apakah ketenteraan tersebut?

- A Operasi Hammer
- B Operasi Harapan
- C Operasi Sri Aman
- D Operasi RASCOM

(Buku Teks m.s. 122)

57 Seramai 1200 keluarga berketurunan Hakka diarahkan berpindah ke tiga kawasan petempatan baharu semasa ancaman komunis di Sarawak.

Apakah kawasan petempatan baharu tersebut?

- A Sibul-Sariki
- B Bintulu-Kapit
- C Kuching-Serian
- D Balong-Sri Aman

(Buku Teks m.s. 122)

58 Apakah kesan pelaksanaan Operasi Hammer yang tamat pada tahun 1970?

- A Penyelesaian isu perkauman
- B Berakhirnya ancaman komunis
- C Bermulanya operasi ketenteraan
- D Peningkatan pendapatan kerajaan

(Buku Teks m.s. 122)

59 Apakah operasi ketenteraan yang menggantikan Operasi Hammer yang tamat pada tahun 1970?

- A Operasi Letter Box
- B Operasi Harapan
- C Operasi Asajaya
- D Operasi Jala Raja

(Buku Teks m.s. 122)

60 Pemimpin komunis iaitu Bong Kee Chok telah menulis surat kepada Ketua Menteri Sarawak pada 13 Oktober 1973.

Mengapakah pemimpin komunis tersebut bertindak sedemikian?

- A Berhasrat untuk berunding
- B Membubarkan parti komunis
- C Menuntut bayaran ganti rugi
- D Bertujuan untuk menyerah diri

(Buku Teks m.s. 122)

61 Maklumat berikut merujuk kepada operasi ketenteraan untuk mengatasi ancaman komunis di Sarawak.

Operasi Harapan

Apakah langkah kerajaan dalam operasi tersebut?

- A Mengadakan lawatan
- B Melaksanakan pilihan raya
- C Menawarkan pengampunan
- D Memperkenalkan kad pengenalan

(Buku Teks m.s. 122)

62 Maklumat berikut berkaitan dengan rentetan membanteras ancaman komunis di Sarawak.

Tahun	Langkah
6 Julai 1966	Operasi Hammer dilancarkan
24 Februari 1970	Operasi Jala Raja diperkenalkan
8 Ogos 1971	X dilancarkan

Apakah X?

- A RASCOM
- B Operasi Ngayau
- C Perjanjian Damai
- D Serangan senjata

(Buku Teks m.s. 123)

- 63 Kerajaan telah melancarkan Operasi Letter Box pada 22 Julai 1965 di Sarawak. Apakah matlamat operasi tersebut?
- Memperkukuhkan keselamatan di kawasan perairan
 - Menangkap penduduk yang bersubahat dengan komunis
 - Mendapatkan maklumat tentang pergerakan komunis
 - Menjejak kawasan komunis di bahagian pedalaman

(Buku Teks m.s. 123)

- 64 Operasi Sri Aman telah dilancarkan pada bulan Oktober 1973 di Sri Aman, Sarawak. Bagaimanakah operasi tersebut dilaksanakan?
- Memberi tawaran rundingan
 - Memusnahkan kubu komunis
 - Melakukan proses pengintipan
 - Menyekat pergerakan komunis

(Buku Teks m.s. 123)

- 65 Parti Komunis Malaya (PKM) meneruskan kegiatan mengancam keselamatan di Semenanjung Malaysia. Bagaimanakah ancaman tersebut dilaksanakan?
- Menyerang orang awam
 - Memusnahkan kemudahan awam
 - Merosakkan kawasan perusahaan
 - Menyerang pusat pentadbiran
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 124)

- 66 Komunis telah melakukan serang hendap terhadap pasukan keselamatan di Semenanjung Malaysia. Apakah kemuncak ancaman komunis tersebut?
- Mengebom kubu pertahanan
 - Menembak mati askar Melayu
 - Menyerang balai polis Kuala Krau
 - Membunuh pegawai kanan polis

(Buku Teks m.s. 124)

- 67 Peristiwa berikut berkaitan dengan ancaman keselamatan di Semenanjung Malaysia.

Tahun	Peristiwa
7 Jun 1974	Menembak mati Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahman Hashim di Kuala Lumpur.

Apakah pihak yang bertanggungjawab melakukan serangan tersebut?

- Parti Komunis Malaya
- Pemberontakan Brunei
- Pasukan perisik British
- Tentera militan Jepun

(Buku Teks m.s. 124)

- 68 Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan komunis di Semenanjung Malaysia.

- Jalan raya dan jambatan kereta api diletupkan.
- Periuk api dipasang di sepanjang Jalan Changlung, Kedah.

Apakah tujuan komunis melakukan kegiatan tersebut?

- Menarik sokongan penduduk
- Menunjukkan kelemahan kerajaan
- Mengancam keselamatan negara
- Menguasai ekonomi negara

(Buku Teks m.s. 124)

- 69 Gambar berikut berkaitan dengan kemusnahan Tugu Negara yang dibom oleh PKM pada 26 Ogos 1975.



Apakah tindakan pihak keselamatan daripada peristiwa tersebut?

- Menubuhkan pasukan askar Melayu
- Menangkap pemimpin gerakan radikal
- Memperkuatkan perkhidmatan perisikan
- Mengisytiharkan undang-undang darurat

(Buku Teks m.s. 125)

- 70 Mengapakah kerajaan memperkenalkan langkah berikut?

- Strategi Counterinsurgency (COIN)
- Perjanjian Kerjasama Sempadan

- Menamatkan rusuhan kaum
- Mengatasi ancaman komunis
- Menentang konfrontasi Indonesia
- Menguatkan hubungan diplomatik

(Buku Teks m.s. 125)

- 71 Strategi COIN ialah mewujudkan jalinan kerjasama pelbagai pihak untuk memerangi ancaman komunis.
Apakah pihak yang terlibat dalam jalinan kerjasama tersebut?

I Golongan raja
II Orang perscorangan
III Agensi kerajaan
IV Ahli politik
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 125)

- 72 Pernyataan berikut merujuk kepada usaha kerajaan menangani ancaman komunis di negara kita.

Merupakan usaha keselamatan dan pembangunan untuk memenangi hati dan fikiran rakyat bagi menyokong agenda dan dasar kerajaan.

Apakah usaha tersebut?

A Perjanjian Kerjasama Sempadan
B Strategi Counterinsurgency (COIN)
C Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat
D Penubuhan Jabatan Penerangan

(Buku Teks m.s. 125)

- 73 Maklumat berikut berkaitan dengan pemeteraian perjanjian antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Thailand.

Perjanjian Kerjasama Sempadan Memerangi Komunis 1976

Apakah faktor pemeteraian perjanjian tersebut?

A PKM menubuhkan pusat ketenteraan di antara sempadan
B PKM memperoleh kerjasama dengan komunis Thailand
C Komunis melakukan serangan dari sempadan negara
D Komunis membina khemah di luar sempadan negara

(Buku Teks m.s. 125)

- 74 Perjanjian damai berikut telah ditandatangani antara PKM, kerajaan Malaysia dan Thailand pada 2 Disember 1989.

Perjanjian Hat Yai

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

A Pembinaan pagar sempadan
B Penguatkuasaan imigresen
C Penyelarasan kawalan
D Pembubaran PKM

(Buku Teks m.s. 125)

- 75 Senarai berikut merujuk kepada pihak yang terlibat dalam Perjanjian Hat Yai pada 2 Disember 1989.

• PKM
• Thailand
• Malaysia

Apakah persetujuan PKM terhadap perjanjian tersebut?

I Membubarkan unit bersenjata
II Memusnahkan segala senjata api
III Menamatkan serangan bersenjata
IV Menerima tawaran pengampunan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 125)

6.4 Isu Pembangunan dan Ekonomi

(Buku Teks m.s. 126 – 128)

- 76 Apakah program yang diperkenalkan kerajaan untuk membangunkan ekonomi di semua negeri selepas merdeka?

A Dasar Wawasan Negara
B Dasar Transformasi Negara
C Rancangan Pembangunan *in-situ*
D Rancangan Pembangunan Lima Tahun

(Buku Teks m.s. 126)

- 77 Rancangan Malaysia Pertama diperkenalkan untuk menangani isu pembangunan ekonomi negara.

Apakah isu tersebut?

A Serangan wabak penyakit
B Kadar kemiskinan bertambah
C Kekurangan kemudahan asas
D Pendapatan penduduk rendah

(Buku Teks m.s. 127)

- 78 Kerajaan telah berusaha menangani beberapa isu berkaitan masalah taraf hidup rakyat dalam Rancangan Malaysia Pertama. Apakah isu yang ditangani oleh kerajaan?
- Ketiadaan kemudahan asas
 - Kekurangan bantuan kewangan
 - Kelemahan pentadbiran negara
 - Kemelesetan ekonomi dunia

(Buku Teks m.s. 127)

- 79 Apakah isu pembangunan ekonomi yang wujud selepas pembentukan Malaysia?
- Ketiadaan tenaga mahir
 - Kepupusan sumber hasil bumi
 - Kekurangan sumber kewangan
 - Kejatuhan harga bahan mentah

(Buku Teks m.s. 127)

- 80 Maklumat berikut berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh negara kita pada awal kemerdekaan.

Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah.

Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?

- Melibatkan kerjasama sektor swasta
- Menarik kemasukan pelabur luar negara
- Memperbanyakkan pengeluaran bijih timah
- Mempelbagaikan keluaran komoditi negara

(Buku Teks m.s. 127)

- 81 Bagaimanakah usaha kerajaan bagi mengatasi masalah taraf hidup yang berbeza antara kaum selepas merdeka?

- Menyusun semula modal saham
 - Mengerakkan aktiviti perkilangan
 - Mempercepatkan integrasi penduduk
 - Memperkenalkan perindustrian berat
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 128)

- 82 Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu berikut selepas merdeka?

- Peluang pekerjaan yang terhad
- Kadar pengangguran meningkat

- Menubuhkan pusat latihan vokasional
 - Melaksanakan sistem pertanian pintar
 - Mencari pasaran baharu bagi bijih timah
 - Menubuhkan kawasan perindustrian baharu
- (Buku Teks m.s. 128)

- 83 Apakah isu kesihatan yang dihadapi negara semasa awal kemerdekaan?

- Ancaman wabak penyakit
 - Jumlah kematian yang tinggi
 - Kadar kelahiran tidak normal
 - Ketiadaan pusat kesihatan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 128)

6.5 Tragedi Hubungan antara Kaum

(Buku Teks m.s. 129 – 131)

- 84 Peristiwa berikut berlaku selepas diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga di negara kita.

Tahun	Peristiwa
13 Mei 1969	Rusuhan berlaku terutamanya di Kuala Lumpur, Selangor dan kawasan sekitarnya.

Apakah kesan rusuhan tersebut terhadap negara?

- Pindaan perlembagaan dilaksanakan
- Pilihan raya baru dilaksanakan
- Kerjasama antara kaum terjalin
- Ketegangan hubungan antara kaum

(Buku Teks m.s. 129)

- 85 Apakah faktor utama tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?

- Provokasi daripada British
- Propaganda tentera Jepun
- Pilihan Raya Umum Ketiga
- Kemelesetan ekonomi dunia

(Buku Teks m.s. 129)

- 86 Terdapat pihak yang mengambil kesempatan semasa pilihan raya untuk mewujudkan pemusuhan antara kaum.

Apakah pihak tersebut?

- Parti Komunis Malaya (PKM)
- Ikatan Pembela Tanah Air (PETA)
- Pemuda Radikal Melayu (PERAM)
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

(Buku Teks m.s. 129)


87 Apakah kempen parti yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ketiga untuk menarik sokongan pengundi?

- I Pembangunan
- II Kebudayaan
- III Keagamaan
- IV Perkauman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 129)

88 Rajah berikut berkaitan dengan usaha kerajaan ke arah pembangunan dan perpaduan bangsa Malaysia.



Apakah X?

- A Majlis Amanah Rakyat
- B Majlis Gerakan Negara
- C Majlis Tindakan Negara
- D Majlis Angkatan Tentera

(Buku Teks m.s. 129 – 130)

89 Apakah kuasa yang berperanan mengawal pentadbiran MAGERAN?

- A Perdana Menteri
- B Angkatan Tentera Malaysia
- C Menteri Keselamatan
- D Raja-raja Melayu

(Buku Teks m.s. 129)

90 Bagaimanakah tindakan untuk mengatasi masalah rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?

- A Pergerakan bersenjata
- B Pemecatan pemimpin
- C Pengisytiharan darurat
- D Penangguhan pilihan raya

(Buku Teks m.s. 129)

91 Apakah yang berlaku semasa pengisytiharan darurat pada 16 Mei 1969?

- I Pemindahan penduduk
- II Perhubungan diberhentikan
- III Perlembagaan digantung
- IV Parlimen ditangguhkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 129)

92 Siapakah yang berkuasa membuat pengisytiharan darurat di negara kita?

- A Perdana Menteri
- B Menteri Pertahanan
- C Ketua Hakim Negara
- D Yang di-Pertuan Agong

(Buku Teks m.s. 129)

93 Mengapakah semua berita daripada pihak media massa ditapis semasa pengisytiharan darurat?

- A Melindungi petugas media
- B Memastikan kesahihannya
- C Menghalang pengaruh luar
- D Mengurangkan pergerakan

(Buku Teks m.s. 129)

94 Mangsa rusuhan kaum telah dipindahkan ke pusat perlindungan.

Apakah pusat tersebut?

- A Masjid Negara
- B Stadium Negara
- C Dataran Merdeka
- D Bangunan Sultan Abdul Samad

(Buku Teks m.s. 129)

95 Apakah tindakan yang perlu dipatuhi oleh rakyat semasa darurat pada 16 Mei 1969?

- A Tinggal di rumah masing-masing
- B Membantu golongan yang miskin
- C Berada di pusat kawalan kerajaan
- D Memasang pagar di sekeliling rumah

(Buku Teks m.s. 129)

96 Siapakah yang dilantik menjadi pengerusi MAGERAN?

- A Dr. Ismail Abdul Rahman
- B Raja Muhammad Uda
- C Tunku Abdul Rahman
- D Tun Abdul Razak

(Buku Teks m.s. 130)

97 Antara berikut, yang manakah dilantik sebagai anggota MAGERAN?

- I Pegawai tinggi polis
- II Pemimpin parti politik
- III Yang di-Pertuan Agong
- IV Pegawai perkhidmatan kerajaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 130)

98 Apakah fokus utama yang perlu diselesaikan oleh MAGERAN?

- A Krisis perebutan kuasa
- B Kekurangan tenaga pakar
- C Masalah perpaduan kaum
- D Memulihkan sumber kewangan

(Buku Teks m.s. 130)

99 Apakah tanggungjawab MAGERAN?

- I Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948
- II Menentukan pentadbiran yang licin
- III Mengukuhkan sosioekonomi negara
- IV Memajukan sistem pendidikan negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 130)

100 Sultan Idris Iskandar Shah II (Sultan Perak) telah membantu mengatasi rusuhan kaum pada 13 Mei 1969.

Apakah bentuk bantuan tersebut?

- A Menyediakan petempatan khas
- B Menghalang penerbitan semua akhbar
- C Menasihati rakyat menjaga keamanan
- D Menubuhkan pusat perlindungan

(Buku Teks m.s. 130)